**Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Bhd**
(100995-U)
Persiaran Kuala Selangor,
Seksyen 26, 40400 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**T (+603) 5102 6000**
**F (+603) 5191 9120**

# Siaran Akhbar

## POLITEKNIK PORT DICKSON JUARA DALAM PERTANDINGAN PEMASARAN PROTON

- **12 kumpulan dari pelbagai universiti dan politeknik bertanding pada peringkat akhir di PROTON COE**
- **Barisan juri dari pakar industri dan media kagum dengan pembentangan yang dipamerkan**

**Subang Jaya, 31 Julai 2019** – Pertandingan Kepintaran yang Memberi Inspirasi atau *Intelligence that Inspires Challenge* anjuran PROTON telah berakhir pada 29 Julai 2019 dengan penuh keterujaan di Pusat Kecemerlangan PROTON (COE). Sebanyak 12 kumpulan bersaing antara satu sama lain dan membuat pembentangan akhir mereka kepada seramai tujuh orang juri yang terdiri daripada pengurusan kanan PROTON, pakar industri pemasaran dan pengamal media.

Pemenang keseluruhan bagi pertandingan ini ialah kumpulan Eureka dari Politeknik Port Dickson yang telah mencuri hati barisan juri dengan idea inovatif mereka serta mempamerkan pembentangan yang baik. Tempat kedua pula ialah kumpulan Alpha dari Taylor's Lakeside Campus manakala tempat ketiga dimenangi oleh kumpulan Alpha Visionaries dari UTAR Kampar.

**Pembentangan kepada barisan juri profesional**
Untuk memastikan para peserta peringkat akhir ini didedahkan dengan sebanyak mungkin pengalaman sebenar dunia pekerjaan, PROTON telah memanggil pakar-pakar dalam bidang pemasaran dan media untuk menjadi juri. Diketuai oleh Cheng Seng Fook, Pengarah Jualan dan Pemasaran PROTON serta juri-juri dari industri pemasaran iaitu Tuan Abang Jimmy Abang Mordian, Ketua Pemasaran PETRONAS Dagangan, Assoc. Prof Dr Norbani Che Ha, Ketua Jabatan Pemasaran fakulti Perniagaan & Perakaunan di Universiti Malaya dan Encik Devan Perinpanay, Pengurus Negara VM Ware Malaysia.

Pengamal media yang turut menjadi juri ialah Encik Hafriz Shah, Ketua Pengarang di Paultan.org, Encik Gan Yong Li, pengasas dan pemilik laman web Pandulaju.com.my dan Encik Eugene Wong Kang Yen, Ketua Pegawai Pemasaran Kumpulan Sin Chew Daily.

Setelah meneliti setiap pembentangan, para juri kemudiannya diberi masa untuk berbincang antara satu sama lain sebelum menentukan pemenang. Kumpulan yang mendapat skor keseluruhan tertinggi diumumkan sebagai pemenang dan mereka dipilih tidak semestinya berdasarkan skor tertinggi dari markah setiap juri.

"Tahap pemikiran asli, daya kreativiti dan keyakinan yang ditunjukkan oleh setiap kumpulan di peringkat akhir ini telah memberi kejutan kepada para juri. Kami juga pernah menjadi pelajar seperti mereka jadi kami tahu bahawa untuk membentangkan idea kepada barisan pakar di industri jelas memerlukan banyak latihan dan keyakinan diri. Bagi saya, setiap peserta kumpulan di peringkat akhir ini adalah pemenang yang mempunyai masa depan cerah dalam mana-mana industri yang mereka mahu sertai kelak, jadi saya berasa senang hati untuk melihat masa depan negara kita yang akan diterajui oleh rakyat Malaysia yang sangat pintar," kata Cheng Seng Fook.

**PROTON berkongsi sebahagian pelan Syarikat tahun 2020**
Semasa majlis penyampaian hadiah, Dr Li Chunrong, Ketua Pegawai Eksekutif PROTON telah berkongsi pelan atau perancangan masa hadapan Syarikat.

**POLITEKNIK PORT DICKSON JUARA DALAM PERTANDINGAN PEMASARAN PROTON**

Untuk tahun 2019, jualan telah meningkat sebanyak 61% untuk enam bulan pertama tahun ini, mengatasi semua pesaing industri serta Jumlah Keseluruhan Industri (TIV). Syarikat kini telah mengakhiri tiga bulan berturut-turut di tempat kedua dalam jadual jualan dan kini hanya berada beberapa ratus unit di belakang jenama saingan Jepun iaitu Honda untuk jualan keseluruhan tahun ini. Sasaran seterusnya adalah untuk mengakhiri tahun ini di tempat kedua.

"PROTON mensasarkan untuk menjual lebih daripada 100,000 unit kereta pada tahun 2020 dan kami juga berhasrat untuk mencapai skor tertinggi di dalam kelas bagi Indeks Khidmat Pelanggan (CSI) dan Indeks Khidmat Jualan (SSI). Untuk mencapai matlamat ini, kami juga berniat untuk menambah jumlah cawangan 3S/4S dari 100 kepada 150 sehingga hujung tahun ini. PROTON juga akan terus meningkatkan kualiti produknya dan matlamat jangka panjang kami adalah untuk selari dengan skor pemeriksaan kualiti Geely. Gabungkan unsur-unsur ini dengan pengenalan produk-produk baharu Syarikat, saya yakin PROTON mempunyai pelan yang kukuh untuk kembali berada di atas," kata Dr Li Chunrong.

-Tamat-

**POLITEKNIK PORT DICKSON JUARA DALAM PERTANDINGAN PEMASARAN PROTON**

## Mengenai PROTON

PROTON Holdings Berhad adalah 50.1% milik DRB-HICOM Berhad dan 49.9% oleh Zhejiang Geely Holding Group Co. Ltd. Ditubuhkan pada tahun 1983, ia adalah satu-satunya pengeluar kereta OEM sepenuhnya yang lengkap dengan kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Asia Tenggara dan telah ditubuhkan dengan tiga objektif dasar kebangsaan utama, iaitu untuk menerajui pembangunan industri pembuatan komponen, untuk memperoleh dan meningkatkan kemahiran teknologi dan perindustrian dalam industri pembuatan otomotif dan untuk mengukuhkan daya saing antarabangsa dalam keupayaan industri Malaysia.

1985 menandakan satu tahun yang hebat dalam sejarah Malaysia apabila kereta nasional pertama negara, Proton Saga, dilancarkan untuk rakyat. Sejak itu, ianya menawarkan ciri yang termasuk kenderaan keluarga empat pintu yang serba boleh dan boleh dipercayai seperti Saga dan Persona, kereta eksekutif bergaya seperti Prevé, eksekutif elegan D-segmen Perdana serta kenderaan pelbagai guna yang luas dan berpatutan seperti Exora dan Ertiga . Terdapat juga Suprima S yang *sporty* anggun yang penuh dengan prestasi dan Iriz yang berani dan bergaya daripada menekankan keselamatan dan merupakan kereta kebangsaan ASEAN 5-Bintang yang paling berpatutan.

PROTON adalah lebih daripada sekadar sebuah syarikat kereta sebagai permulaannya sebagai pemacu utama pembangunan negara telah melihat jenama mempercepatkan proses pembelajaran menerusi pemindahan teknologi dengan perkongsian strategik dan kerjasama teknikal. Tidak syak lagi bahawa ia telah membantu mengembangkan ekonomi Malaysia melalui kemajuan dan kejayaan dalam industri automobil.

Dengan mendengarkan keperluan pelanggan, kereta PROTON kini berada di landasan mencapai misi untuk masa depan, dengan PROTON ditetapkan untuk menjadi sebuah marque yang membina kereta berkualiti dan selamat dengan semangat dan jiwa; kereta yang menyeronokkan untuk pemanduan - dan keselesaan untuk dimiliki. Untuk maklumat lanjut, layari http://www.proton.com.

**Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi:**
**Bahagian Kumpulan Komunikasi Koporat, PROTON**

- Faisal Shah di hp: 019-321 8897 / tel: 03-8026 9389 / faisalshah@proton.com
- Lim Ai Mee di hp: 012-698 9189 / tel: 03-8026 9670 / aimee@proton.com
- Julaiha Jamaldin di hp 011-2885 4300/ tel: 03-8026 9697 / julaiha@proton.com